

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH PER-
TANDINGAN MEMBACA AL-QURAN TAHUN
1974 DI STADIUM MERDEKA, KUALA LUMPUR
PADA 7HB OKTOBER, 1974

D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan
D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.

Patik, bagi pihak para hadirin dan seluruh rakyat Tuanku, menjunjung kasih yang tidak terhingga terhadap Kebawah Duli Tuanku berdua kerana sudi mencemar Duli berangkat hadir di Majlis Penutup Pertandingan Membaca Al-Quran pada malam ini.

Sesungguhnya patik-patik sekalian dan seluruh rakyat Kebawah Duli Tuanku merasa amat bertuah oleh kerana Kebawah Duli Tuanku berkenan berangkat mengisytiharkan pembukaan Majlis Pertandingan Peringkat Antarabangsa tiga malam yang lalu. Keberangkatan Tuanku berdua di Majlis Penutup malam ini sangatlah besar maknanya serta menambahkan serinya peristiwa yang penting ini.

Ampun Tuanku.

Sekarang izinkanlah pula patik berucap sepatah dua kata kepada para hadirin di Majlis ini.

Y.B. Tan Sri Syed Nasir Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pusat Pertandingan Membaca Al-Quran, Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif kenamaan, Saudara-saudara sekalian.

Saya merasa gembira kerana dengan izin Allah, Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antara-bangsa telah selesai dengan selamat dan sempurna.

Selama lima malam berturut-turut, rakyat yang berhimpun di sini dan mereka yang mengikutinya melalui peti talivisyen atau radio masing-masing bukan saja di tanah air kita bahkan di negara-negara jiran telah mendengar bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang diberi pula tafsirannya dalam bahasa Malaysia. Inilah satu

usaha yang patut dipuji terutama sebagai langkah memesrakan orang ramai dengan Al-Quran sambil menyelam mutiara pengetahuan yang terkandung di dalamnya dan hikraat yang ada di sebaliknya.

Sukalah saya di sini menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Pertandingan di bawah ketuaan Y. B. Tan Sri Syed Nasir dan juga kepada semua raereka yang telah memberikan sumbangan untuk menjayakan Majlis Pertandingan Al-Quran tahun ini. Khidmat dan kerjasama mereka yang ikhlas itu tidak ternilai harganya dan hanya Allah jua yang akan membalasnya.

Begitu juga saya suka mengambil kesempatan ini terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada pemenang-pemenang dalam Pertandingan tahun ini pada kedua-dua Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana di masa-masa yang lalu, kejayaan Pertandingan tahun ini sedikit sebanyak bergantung kepada bantuan dan kerjasama negara-negara sahabat yang telah mengirinkan para hakim yang pakar dalam semua aspek pembacaan Al-Quran. Taraf penghakiman yang tinggi setiap tahun telah menaikkan tingkat pembacaan para Qari dan Qariah kita. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada Kerajaan-kerajaan negara sahabat yang telah sudi memberikan bantuan tenaga pakar yang sangat dihargai perkhidmatannya itu.

Begitu juga saya mengucapkan terimakasih kepada negara-negara Islam yang telah menghantar peserta-peserta ke Pertandingan tahun ini demi untuk kemegahan dan kemuliaan ugama Islam. Saya sukacita juga menyatakan bahawa seperti pada tahun-tahun sudah, Pertandingan tahun ini telah disiarkan secara langsung ke negara Kuwait dengan permintaan sendiri oleh D.Y.M.M. Sheikh Kuwait. Saya sangatlah menghargai kerajasama Duli Yang Maha Mulia itu.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang kita sedia maklum, peserta-peserta bagi kedua-dua Pertandingan Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa pada tahun ini adalah bertambah daripada bilangan peserta tahun yang lalu. Ini membuktikan bahawa tradisi Pertandingan Membaca Al-Quran

yang kita anjurkan semenjak beberapa tahun yang lalu sempena menyambut bulan Ramadan yang berkat ini merupakan satu tradisi yang baik untuk memupuk persaudaraan dan mempereratkan perhubungan di kalangan umat Islam dari negara-negara yang menyertai Pertandingan ini. Lebih-lebih lagi pada tahun ini, kita dapat menyiarkan secara langsung segala acara-acara Pertandingan ini ke beberapa buah negara melalui setelit bumi kita di Kuantan. Dengan ini kita telah dapat menggunakan kemudahan sains dan teknologi dalam usaha menyebarkan semangat dan ajaran Al-Quran yang maha suci.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang saya tegaskan ketika merasmikan Pertandingan Peringkat Kebangsaan pada malam 17 Ramadan yang lalu, bahawa keruntuhan akhlak di kalangan umat Islam dari semua peringkat dan golongan adalah merupakan faktor terpenting yang membawa kepada keruntuhan Kerajaan-kerajaan Islam pada masa yang silam, dan keruntuhan akhlak adalah berpunca dari penyelewengan umat Islam daripada ajaran yang terkandung dalam kitab suci Al-Quran.

Oleh yang demikian, saya sekali lagi berseru pada sekalian umat Islam dari segala golongan dan peringkat agar berakhlak dengan akhlak mulia yang dibawa oleh Al-Quran kerana Al-Quran tidak pernah membezakan di antara satu golongan dengan yang lain atau di antara satu keturunan dengan yang lain.

Sesungguhnya inilah yang menjadi tanggungjawab yang kita mesti pikul bersama dan tiap-tiap orang adalah bertanggungjawab di sisi Allah s.w.t. Besar dan kecil atau banyak dan sedikit tanggungjawab seseorang itu adalah bergantung kepada kedudukan dan peranannya dalam hidup ini, seperti yang ditegaskan oleh sebuah hadith Nabi s.a.w. yang bermaksud demikian:

"Setiap kamu adalah pengembala, dan setiap kamu akan disoal tentang pengembalaannya—Ketua Negara adalah seorang pengembala, dia akan disoal tentang pengembalaannya—seorang lelaki adalah pengembala terhadap keluarganya, ia akan disoal tentang pengembalaannya— seorang wanita adalah pengembala dalam rumahtangga suaminya, dia akan disoal tentang pengembalaannya itu."

Saudara-saudara sekalian.

Menyentuh soal akhlak, sayugialah disebutkan bahawa untuk membentuk anggota masyarakat yang berakhlak bukanlah satu kerja yang senang. Kita bukan sahaja perlu memperkuat didikan dan pelajaran-pelajaran agama di kalangan umat Islam, akan tetapi usaha-usaha penyerapan akhlak itu mestilah diwujudkan melalui berbagai langkah yang boleh menggalakkan seseorang itu berakhlak mulia. Usaha memberikan penilaian akhlak dalam menentukan kejayaan atau pencapaian seseorang boleh dijadikan peraturan dalam kenaikan pangkat pegawai-pegawai Kerajaan, pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar, pemilihan calon-calon guru dan pengambilan pegawai-pegawai Kerajaan.

Saya yakin jika kita amalkan usaha-usaha seperti ini, tidaklah berlaku keruntuhan akhlak di kalangan umat Islam di Negara ini, khasnya di peringkat mereka yang berpelajaran tinggi yang memainkan peranan penting dalam pembangunan negara yang sedang berjalan pesat sekarang.

Akhirnya, saya sekah lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran tahun ini dan berharap agar segala acara sambutan yang dijalankan selama kira-kira limabelas tahun itu dapat sentiasa dikaji dan diperbaiki dari semasa ke semasa supaya mana-mana acara yang tidak sesuai dengan jiwa dan semangat ketinggian Al-Quran eloklah ditinggalkan demi memelihara dan mempertahankan kesucian Majlis Membaca Al-Quran ini.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.

Patik, bagi pihak Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Pertandingan Membaca Al-Quran tahun ini, dengan segala hormat takzim memohon ampun sudi apalah jua kiranya Kebawah Duli Tuanku berkenan untuk menyampaikan hadiah kepada pacal-pacal yang telah berjaya dalam Pertandingan Membaca Al-Quran bagi kedua-dua Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Ampun Tuanku.